


Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. CMD. JKM. 100-43/5

Tolong sebutkan rujukan fail kami  
dalam jawapan surat ini  
(Please quote our file reference  
in your reply to this letter)



14  
JABATAN KETUA MENTERI  
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)  
Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

20 September 2010

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Badan Berkanun Tempatan

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI SABAH  
BIL. 1/2010 PENGGUNAAN PERKHIDMATAN SABAH.NET**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan semua warga kerja Kerajaan Negeri Sabah mengenai dasar penggunaan Perkhidmatan Sabah.Net. Dasar ini juga menerangkan kepada semua pengguna Sabah.Net tentang tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT Negeri Sabah untuk menjamin kesinambungan urusan Negeri Sabah dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.

**2. LATARBELAKANG**

2.1 Kerajaan Negeri Sabah telah menyediakan satu rangkaian digital Kerajaan Negeri Sabah, Sabah.Net sejak 1997. Ini sejajar dengan keputusan Kabinet Negeri untuk mewujudkan satu rangkaian digital milik Kerajaan Negeri yang digunapakai oleh semua agensi Kerajaan Negeri Sabah untuk komunikasi dan transaksi maya dalam satu rangkaian yang selamat dan bersepadu.

- 2.2 Sabah.Net menyediakan kemudahan rangkaian intranet, capaian ke internet, e-mail, web-hosting, sistem sekuriti, sistem aplikasi dan sebagainya.

### 3. PRINSIP-PRINSIP PENGGUNAAN

- 3.1 Dasar ini meliputi semua sumber atau aset ICT yang digunakan seperti maklumat (contoh: data elektronik), perisian (contoh: aplikasi dan sistem perisian) dan fizikal (contoh: komputer, storan sekunder, peralatan komunikasi) Kerajaan Negeri Sabah khususnya aset ICT yang secara langsung menggunakan Sabah.Net.
- 3.2 Dasar ini terpakai kepada semua pengguna di Negeri Sabah meliputi kakitangan, pembekal dan pakar runding yang mengurus, menyelenggara, memproses, mencapai, memuat turun, memuat naik, menyedia, berkongsi, menyimpan dan menggunakan aset ICT Kerajaan Negeri Sabah.
- 3.3 Kemudahan Sabah.Net di pejabat adalah untuk kegunaan rasmi sahaja khususnya pada waktu masa bekerja. Akses terhadap penggunaan aset ICT hanya untuk tujuan spesifik dan dihadkan kepada penggunaan yang positif sahaja. Oleh yang demikian, semua pengguna perlulah menggunakan kemudahan ICT dengan wajar agar pelaksanaan Kerajaan Elektronik (e-Government) Sabah dapat berjalan lancar dan selamat.
- 3.4 Semua pengguna bertanggungjawab ke atas semua tindakannya terhadap kemudahan akses dan aset ICT yang dipertanggungjawabkan kepadanya.
- 3.5 Semua pengguna bertanggungjawab untuk melindungi aset ICT daripada kesilapan, kebocoran maklumat terperingkat atau manupulasi.
- 3.6 Dasar Penggunaan Perkhidmatan Sabah.Net hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT dan/atau mengakibatkan pembaziran dan gangguan penggunaan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

#### 4. PEMANTAUAN

- 4.1 Pemantauan aktiviti dalam Sabah.Net adalah dilaksanakan secara strategik dan berterusan untuk mengenalpasti insiden berkaitan keselamatan atau penyalahgunaan kemudahan-kemudahan tersebut bagi mengelak daripada capaian yang tidak dibenarkan. Justeru, aset ICT seperti komputer (termasuk komputer riba), pelayan, *router*, *firewall* dan rangkaian hendaklah dapat menjana dan menyimpan log tindakan keselamatan dan *audit trail*.
- 4.2 Satu laporan bulanan penggunaan/aktiviti Sabah.Net di setiap organisasi hendaklah disediakan dan akan dikemukakan kepada ketua organisasi sebagai rujukan terhadap tahap pematuhan kepada Dasar Penggunaan Sabah.Net yang ditetapkan.
- 4.3 Para 3 dan para 4 adalah saling melengkapi dan bergantung antara satu sama lain, untuk mempelbagaikan pendekatan dalam menyusun dan mencorakkan sebanyak mungkin mekanisme keselamatan aset ICT Kerajaan Negeri dan menjamin penggunaan Sabah.Net yang optimum.

#### 5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**( SUKARTI BIN WAKIMAN )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri